

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING  
(KULAI)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab Menteri enggan mendedahkan senarai penuh penerima dan jumlah peruntukan yang diterima daripada peruntukan sebanyak RM30 juta sebagai sumbangan kepada NGO pada tahun 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang diPertua,

Kementerian Kewangan telah mengeluarkan sumbangan berjumlah RM29.4 juta kepada 69 buah NGO pada tahun 2015.

Pemilihan NGO adalah berdasarkan kepada kriteria berikut:

- Mempunyai kumpulan sasaran yang spesifik dan didapati tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh;

- Program yang dijalankan akan memberi manfaat kepada sebilangan besar kumpulan sasar;
- Program yang dijalankan adalah selaras dengan dasar dan objektif serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman dan keselamatan;
- Sumbangan Kerajaan ini hendaklah hanya kepada persatuan atau NGO yang berdaftar dengan mana-mana pendaftar atau kuasa undang-undang negara; dan
- Keutamaan sumbangan ini adalah berdasarkan kepada program yang berbentuk kebajikan, kesejahteraan masyarakat, pembangunan sosial, belia dan sukan.

Setiap NGO yang menerima sumbangan daripada Kerajaan perlu mengemukakan laporan mengenai program/aktiviti yang dianjurkan serta laporan akhir kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh satu bulan setelah tamatnya program/aktiviti berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**SOALAN : 273**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap aduan bernombor SPRM:CPM 20/38/01.30 JLD.25(83).**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Isu yang dibangkitkan telah diambil tindakan oleh SPRM dan mendapati tiada asas kesalahan jenayah rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI**  
**JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**SOALAN :**

**YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

**(a) Perkembangan JB - Singapore Rapid Transit System.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Rapid Transit System (RTS) Link adalah projek bersama di antara Malaysia dan Singapura bagi mengenalpasti laluan kereta api yang akan menghubungkan Johor Bahru dan Woodlands, Singapura.

**Fasa 1 (Kajian Kejuruteraan)** bagi Projek RTS Link telah selesai dijalankan pada 2014.

**Fasa 2 (Rekabentuk Kejuruteraan Terperinci)** pula telah dimulakan pada 26 April 2016 yang lalu dan dijangka siap pada penghujung 2017. Fasa 2 akan lebih memperincikan perkara-perkara seperti kos pembinaan, operasi dan senggaraan serta jangka masa bagi pembinaan RTS itu kelak.

**Setelah selesai Fasa 2**, proses tender dan penilaian akan dijalankan sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING  
[ KULAI ]

**SOALAN :-**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai projek perumahan yang telah mendapat kelulusan untuk melanjutkan tempoh masa untuk menyerah kunci di bawah Regulation 11(3) Housing Development (Control and Licensing) Regulation 1989 dan apakah sebab-sebab projek ini diberi kelulusan tersebut. Apakah pendekatan Kerajaan untuk memastikan kepentingan pembeli rumah tidak terjejas.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang menerima dan mempertimbangkan permohonan pindaan Perjanjian Jual Beli di bawah peraturan 11(3), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 untuk melanjutkan Tempoh Serahan Milikan Kosong (*Extension Of Time For Vacant Possession* - EOT). Terdapat 2 jenis permohonan, pertama sebelum pelaksanaan projek dan kedua projek dalam pelaksanaan.

Pertimbangan permohonan bagi melanjutkan tempoh serahan milikan kosong adalah bergantung kepada justifikasi yang diberikan oleh pemaju berdasarkan kepada alasan yang munasabah seperti masalah teknikal yang dihadapi di tapak pemajuan yang disokong oleh pihak perunding pemaju.

Walaupun bagaimanapun, kelulusan untuk melanjutkan tempoh serahan milikan kosong adalah terletak di bawah bidang kuasa Pengawal Perumahan di bawah Peraturan 11(3), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, Akta 118. Sehubungan dengan itu, Pengawal Perumahan akan sentiasa mengambil berat kepentingan-kepentingan pembeli sebelum sebarang keputusan bagi melanjutkan tempoh serahan milikan kosong diberikan.